

DRAF TEKS UCAPAN SEMPENA BENGKEL “THE NATURE AND CAUSES OF GENDER BASED VIOLENCE, MEN IN PARTNERSHIP WITH WOMEN WORKING TO END VIOLENCE AGAINST WOMEN

Tuan Pengerusi Majlis,
Wakil-wakil daripada:
All Women’s Action Society (AWAM)
Man Action Network Against Violence (Man.V)
Population Studies Unit, Universiti Malaya

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada All Women’s Action Society atau (AWAM) kerana telah menjemput saya menghadiri majlis ini. Syabas saya ucapkan kerana telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan bengkel ini. Keganasan terhadap wanita adalah penyakit sosial dan masalah negara yang perlu ditangani segera. Sekiranya tidak dibendung, matlamat pembangunan sosial untuk mencapai kesejahteraan hidup anggota masyarakat akan terjejas. Penghapusan keganasan terhadap wanita juga merupakan antara 12 bidang kritikal yang telah digariskan dalam Beijing Declaration and Platform for Action, Fourth World Conference on Women, 1995 bagi mencapai kemajuan wanita. Oleh itu, penganjuran bengkel ini oleh AWAM dengan sokongan Kerajaan dan UNFPA amat dialu-alukan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya difahamkan bahawa matlamat utama bengkel ini diadakan adalah untuk meningkatkan kapasiti dan kebolehan di kalangan generasi muda lelaki dan perempuan melalui perkongsian hak dan tanggungjawab dalam mewujudkan masyarakat yang sensitif gender serta bebas daripada sebarang bentuk keganasan.

Sesungguhnya usaha menganjurkan bengkel seumpama ini memang tepat dan kena pada masanya untuk meningkatkan kesedaran peserta tentang masalah keganasan terhadap wanita. Peserta juga diharapkan akan dapat mengenal pasti tanggung jawab dan peranan yang perlu dilaksanakan khususnya melalui pengemblengan tenaga antara wanita dan lelaki bagi mengatasi masalah ini. Ini adalah kerana keganasan terhadap wanita bukan hanya melibatkan wanita tetapi lelaki yang merupakan bapa, anak, suami atau abang kepada wanita juga mempunyai tanggungjawab dan peranan yang tersendiri.

Keganasan terhadap wanita adalah perbuatan penganiayaan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan dalam pelbagai cara. Ianya meliputi semua bangsa, agama, pendapatan, kelas dan budaya. Ianya juga merupakan suatu bentuk penyalahgunaan kuasa yang sering berlaku apabila seorang pasangan cuba untuk mengawal atau mendominasi pasangannya. Perangkaan menunjukkan bahawa kes-kes keganasan terhadap wanita seperti rogol, gangguan seksual, keganasan rumah tangga, ragut dan lain-lain semakin membimbangkan pada masa ini kerana ianya bukan hanya mengakibatkan kecederaan fizikal dan mental kepada mangsa tetapi juga boleh mengakibatkan kematian.

Insiden Jenayah Rogol

Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia, kes rogol yang terus mencatatkan peningkatan daripada 1,217 kes pada tahun 2000, kepada 1,931 pada tahun 2005 iaitu purata peningkatan sebanyak 9.2 peratus setahun. Pada tahun 2006 juga, kita telah dikejutkan dengan beberapa kes rogol sepertimana yang berlaku baru-baru ini di sebuah pusat membeli belah di Petaling Jaya. Kes-kes yang dilaporkan menunjukkan bahawa kebanyakan mangsa adalah kanak-kanak yang berumur 17 tahun dan ke bawah. Perangkaan 2005 misalnya menunjukkan lebih daripada separuh mangsa iaitu 66.0 peratus terdiri daripada kanak-kanak dalam kumpulan umur tersebut. Manakala sebahagian besar suspek iaitu sebanyak 91.6 peratus berumur melebihi 18 tahun. Insiden rogol kini juga menampakkan unsur-unsur keganasan di mana rogol berkumpulan serta kejadian rogol dan bunuh kini menjadi semakin serius. Mangsa rogol dan bunuh tidak terhad kepada wanita dewasa tetapi juga kanak-kanak seperti mana yang menimpa Nurul Huda Ghani, Haserawati Saridi dan Nurshuhada Burak.

Keganasan Rumah Tangga

Wanita juga terdedah kepada masalah keganasan rumah tangga sama ada keganasan fizikal atau mental. Walaupun Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti penggubalan Akta Keganasan Rumah Tangga, 1994, kempen kesedaran dan lain-lain, masalah keganasan rumah tangga masih berlaku secara berleluasa. Berdasarkan perangkaan yang dikeluarkan oleh Polis DiRaja Malaysia, seramai 2,255 orang wanita telah menjadi mangsa pada tahun 2003, diikuti 3,101 orang wanita pada tahun 2004. Jumlah tersebut telah menurun kepada 3,093 orang wanita pada tahun 2005. Walau bagaimanapun peratusan penurunan tersebut adalah kecil iaitu hanya sebanyak 0.3 peratus sahaja. Kemungkinan banyak lagi kes yang tidak dilaporkan kepada pihak polis.

Insiden keganasan rumah tangga turut mengakibatkan kematian wanita. Antara insiden yang telah dicatatkan ialah seperti kejadian malang yang menimpa Asmah Ismail yang meninggal dunia selepas koma akibat dipukul oleh bekas suami dan Yatimah Kemin yang meninggal dunia selepas ditikam sebanyak tujuh kali oleh suami pada tahun 2005.

Insiden Jenayah Ragut

Perangkaan juga menunjukkan bahawa insiden jenayah ragut kian membimbangkan. Sebanyak 11,536 kes ragut telah dilaporkan berlaku pada tahun 2004. Ini bermakna anggaran sebanyak 961 kes ragut telah berlaku setiap bulan atau 32 kes sehari pada tahun 2004. Insiden yang berlaku kini semakin serius sehingga mengakibatkan kecacatan anggota mangsa dan kematian seperti mana yang menimpa seorang wanita di Cheras, Kuala Lumpur yang meninggal dunia apabila ditikam oleh peragut pada bulan Mac yang lalu. Insiden seumpama ini memberi amaran bahawa jenayah ragut kini tidak lagi boleh dianggap jenayah kecil, sebaliknya perlu diberi perhatian serius oleh masyarakat dan agensi penguatkuasa.

Gangguan Seksual

Keganasan terhadap wanita berlaku di mana-mana termasuklah di tempat kerja. Sebanyak 119 kes gangguan seksual yang dilakukan oleh majikan dan rakan sekerja telah dilaporkan pada tahun 2004. Jumlah tersebut telah berkurangan kepada 103 kes atau sebanyak 15.5 peratus pada tahun 2005.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Kesan dan Punca Keganasan Terhadap Wanita

Insiden keganasan terhadap wanita akan meninggalkan kesan buruk ke atas mangsa. Mangsa akan menanggung kesengsaraan akibat kecederaan fizikal dan masalah kesihatan di samping mengalami trauma akibat gangguan mental dan emosi seperti rasa takut, tekanan perasaan dan rasa rendah diri. Bagi mangsa rogol di samping kecederaan fizikal, mangsa juga menanggung risiko kehamilan dan jangkitan penyakit HIV/AIDS serta penyakit kelamin atau STD (sexually transmitted diseases). Trauma yang dialami akibat dipandang hina oleh masyarakat dan kehilangan harga diri akan meninggalkan kesan buruk kepada mangsa sepanjang hayat mereka.

Keganasan yang berlaku turut memberi implikasi kepada individu di sekeliling mangsa. Misalannya, bagi kes keganasan rumah tangga, ia akan turut memberi kesan negatif kepada anak-anak terutama daripada sudut psikologi. Kanak-kanak yang menyaksikan penderaan tersebut akan lebih mudah menjadi sugul atau berasa kurang berupaya/berkuasa. Mereka juga akan menyisihkan diri serta akan menjadi individu yang agresif atau pasif.

Bagi mengatasi masalah yang semakin membimbangkan ini, kita perlu mengenalpasti punca berlakunya keganasan terhadap wanita. Secara umumnya mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Sekretariat Komenwal antara faktor di peringkat global yang menyebabkan berlakunya keganasan terhadap wanita adalah:

tradisi, struktur sosial dan sistem nilai yang meletakkan lelaki sebagai ketua, ketua keluarga dan pembuat keputusan serta mempunyai kuasa ekonomi dan sosial (patriarchy and machismo). Ketidaksamaan kuasa perhubungan (unequal power relations) antara lelaki dan wanita ini menyebabkan wanita sering menjadi mangsa keganasan; sikap masyarakat yang menganggap wanita/kanak-kanak perempuan sebagai kaum yang lemah, emosional, tidak rasional dan merupakan harta kepada kaum lelaki; persepsi bahawa wanita patut menerima hukuman kerana melakukan kesalahan atau akibat tingkah laku buruk seperti dalam urusan rumah tangga; dan pelaku dipengaruhi alkohol atau dadah, perasaan cemburu serta dendam;

Mengikut pihak Polis DiRaja Malaysia, sikap mangsa keganasan rumah tangga yang tidak berani membuat laporan polis kerana perasaan malu serta bimbang pengaduan yang dibuat akan menjejaskan kerukunan rumah tangga telah menyumbang berlakunya keganasan terhadap mereka. Mereka juga merasakan suami adalah penting sebagai pelindung serta bimbang anak akan menjadi turut menjadi mangsa.

Di samping itu juga, faktor psikologi pelaku itu sendiri telah menyumbang kepada keganasan. Umpamanya bagi jenayah rogol, terdapat empat kategori perogol iaitu: untuk menunjukkan kekuasaan (power assertive); untuk melepaskan rasa marah (anger retaliation); akibat merasa diri mereka kurang berkuasa (power inferior); dan akibat anger excitation atau sadistic.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Langkah Membanteras Keganasan Terhadap Wanita

Tanggung jawab banteras keganasan terhadap wanita bukan hanya terletak dibahu kerajaan semata-mata. Sebaliknya ia merupakan tanggung jawab bersama (shared

responsibilities) yang harus dipikul oleh semua pihak iaitu kerajaan, NGO, swasta dan masyarakat dan seperti mana yang saya nyatakan sebelum ini, ianya juga memerlukan penggabungan tenaga antara kaum lelaki dan wanita. Ini bermakna kejayaan dasar dan program bagi menangani jenayah tersebut bergantung kepada kerjasama padu dan komitmen semua pihak yang terlibat. Pendekatan yang diambil juga haruslah merupakan pendekatan yang holistik, meliputi aspek pencegahan, intervensi dan pemulihan.

Dari segi undang-undang, hasil daripada inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kerjasama agensi kerajaan dan NGO terlibat, Kerajaan sedang membuat kajian semula ke atas Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah bagi meningkatkan hukuman ke atas pesalah yang melakukan kesalahan berkaitan jenayah seksual. KPWKM juga kini sedang dalam proses membuat pindaan ke atas Akta Keganasan Rumah Tangga, 1994. Selain itu, pindaan ke atas Akta Kerja 1955, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 sedang dilaksanakan untuk memasukkan peruntukan mengenai gangguan seksual.

KPWKM telah menubuhkan Jawatankuasa Kecil Mengenai Keganasan dan Rogol di bawah Panel Perunding Undang-undang. Jawatankuasa Kecil ini bertanggungjawab untuk mengkaji undang-undang sedia ada di Malaysia dan mencadangkan undang-undang yang perlu dipinda seperti akta-akta yang berkaitan dengan isu rogol dan gangguan seksual serta membuat pemantauan ke atas penggubalan perundangan.

Kementerian juga melaksanakan program-program mengenai gender, seminar menangani keganasan dan program literasi undang-undang untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kesedaran di kalangan masyarakat mengenai peranan mereka bagi membanteras keganasan terhadap wanita melalui Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK). Sebanyak 37 program literasi undang-undang dan 217 seminar menangani keganasan dengan penyertaan seramai 45,800 peserta telah dilaksanakan oleh MPWK pada tahun 2005.

Di samping itu, menyedari bahawa peranan masyarakat di peringkat akar umbi adalah penting bagi membantu kerajaan menangani keganasan terhadap wanita, sukarelawan Organisasi Wanita Membanteras Keganasan - OMBAK atau Women Against Violence – WAVE telah ditubuhkan di semua negeri. Mereka telah diberi pendedahan dan latihan bagi membantu mangsa-mangsa keganasan. Sehingga kini bilangan sukarelawan yang telah dilatih adalah seramai 416 orang di seluruh negara.

Kementerian akan meneruskan program-program seumpama ini dalam RMK9 di mana pengurangan keganasan terhadap wanita merupakan teras strategik keenam yang telah digariskan dalam RMK9 bagi meningkatkan kemajuan wanita.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya selagi lagi mengalu-alukan serta mengucapkan ribuan terima kasih di atas komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh tuan/puan menghadirkan diri ke bengkel ini walaupun dalam kesibukan tuan/puan dalam melaksanakan tugas dan tanggung jawab masing-masing.

Akhir kata saya mengucapkan selamat maju jaya dalam bengkel yang dijalankan ini. Terima Kasih.